



## “HINDARI GODAAN SYAITAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ  
الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّيَ بَتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Wahai hamba-hamba Allah! Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan Janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam. Saya menyeru diri saya sendiri dan juga sidang Jumaat sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala yang ditegah-Nya.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: **"HINDARI GODAAN SYAITAN"**.

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Mimbar Jumaat pada hari ini mengajak kaum muslimin sekalian agar mengenali musuh utama kita iaitu syaitan dan seterusnya menghindari godaannya agar kita terselamat di dunia dan di akhirat kelak. Syaitan adalah spesies jin yang diciptakan daripada api dan merupakan anak cucu iblis laknatullah yang sentiasa melakukan kerosakan, menipu dan menimbulkan keraguan di dalam hati manusia. Sejak manusia pertama diciptakan Allah, syaitan tidak jemu-jemu menghasut manusia ke arah maksiat dan kemungkaran serta menghalang manusia dari melakukan ketaatan. Inilah sumpah syaitan seperti yang dikhabarkan Allah dalam surah Sad ayat 82-83:

قَالَ فَبِعِزَّتِكَ لَأُغْوِيَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ إِلَّا عِبَادَكَ  
مِنْهُمْ الْمُخْلِصِينَ



*(Iblis) berkata: "Demi kekuasaanmu (wahai Tuhanku), aku akan menyesatkan mereka semuanya, kecuali hamba-hamba-Mu di kalangan zuriat-zuriat Adam itu yang mukhlis (iaitu yang diberi petunjuk untuk mentaati Allah dan Rasul-Nya)".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Bagi menggambarkan betapa pentingnya umat manusia supaya berhati-hati terhadap tipu daya syaitan, Allah menyebut kalimah syaitan sebanyak 86 kali. 68 kali disebut dengan lafaz mufrad, "Syaitan" (شيطان) dan 18 kali disebut dengan lafaz jamak, "Syayatin" (شياطين). Tiada siapa boleh menyangkal peri perlunya setiap muslim menghindari tipu daya syaitan. Namun untuk mengelak kedurjanaan syaitan ini, kita perlulah mengetahui bagaimana cara syaitan menggoda dan seterusnya menyelip masuk ke dalam jiwa manusia.

Syaitan memanfaatkan setiap anggota manusia untuk memastikan manusia itu tergelincir dari landasan kebenaran. Imam Al Ghazali menyebut di dalam kitabnya, Ihya' Ulumiddin bahawa melalui anggota 'lidah' sahaja, syaitan mampu mendatangkan 20 kebinasaan.

Pemikir Islam terkenal, Dr Fathi Yakan pula berkata, bahawa terdapat 7 ruang penyusupan yang dipergunakan syaitan untuk menyesatkan manusia:

Pertama : Menerusi sifat marah.

Apabila diri seseorang itu dikuasai oleh perasaan marah, maka bererti dia telah meminimakan peranan akal. Akal adalah anugerah Allah yang sangat berguna.



Ia perlu dilindungi supaya boleh berfungsi ke arah kebaikan. Apabila akal di kesampingkan, maka itulah waktu yang sangat menggembirakan syaitan untuk menguasai diri manusia.

Ada manusia sanggup membunuh adik beradik dan ibubapa sendiri semata-mata kerana melayan perasaan marah. Namun ianya segera disesali apabila kemarahan reda. Justeru, manusia yang sedang marah sangat digalakkan supaya berwudhuk bagi meredakan kemarahan dan menghindarkan diri dari dihasut oleh syaitan.

Kedua : Menerusi keinginan nafsu syahwat.

Keinginan nafsu syahwat merujuk kepada kehendak deria dan jasad manusia yang menghendaki tubuhnya diberi makanan dan minuman, hubungan kelamin, harta benda dan sebagainya. Keinginan kepada perkara-perkara ini bukanlah sifat tercela. Namun syaitan sangat mudah mempergunakan keinginan ini untuk memesongkan manusia dari jalan Allah.

Nafsu menginginkan makan, lantas syaitan menghasut manusia supaya memakan makanan yang haram atau memilih laluan mudah yang tidak syar'ie untuk memperoleh makanan sama ada dengan penipuan, rasuah, penindasan dan sebagainya. Nafsu menginginkan hubungan kelamin, lantas syaitan



meransang nafsu manusia supaya tergoda dengan kecantikan wanita yang bukan isterinya, menarik pandangan matanya ke arah aurat manusia lain dan sebagainya.

Ketiga : Menerusi Sifat Gopoh Gapah

Sifat al 'ajalah (العجلة) atau gopoh adalah lawan kepada sifat cermat dan berhati-hati. Sifat gopoh adalah sangat mudah terdedah kepada tipudaya syaitan. Ini kerana mereka yang melakukan sesuatu dengan gopoh tidak dapat membuat penilaian secara rasional menggunakan akal fikiran.

Sebab itu kita di larang daripada terus percaya sahaja maklumat yang diterima dari sumber yang diragui. Syaitan sememangnya sentiasa mencari-cari peluang dan ruang untuk melaga-lagakan umat manusia.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ  
فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا  
عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

*"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita,*



*maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.*

Keempat : Menerusi Hasad dengki.

Hasad dengki adalah antara sifat pertama iblis laknatullah dalam pertembungannya dengan Nabi Adam AS. Iblis berasa irihati, sombong dan takabbur apabila diperintahkan Allah supaya sujud kepada Adam yang lebih junior daripadanya.

Firman Allah dalam Surah Al A'raf ayat 12:

قَالَ مَا مَنَعَكَ إِلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ قَالَ  
أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن

طِينٍ ١٢

Allah berfirman kepada Iblis: “Apakah yang menghalangmu supaya sujud (kepada Allah) ketika Aku menyuruhmu?” Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhanku) telah menjadikan aku daripada api sedang dia Engkau jadikan dia daripada tanah”.



Ini jugalah sifat yang cuba diterapkan ke dalam jiwa manusia. Maka apabila manusia terperangkan dengan sifat hasad ini, bergembiralah syaitan lalu ia merangka hasutan seterusnya untuk merebakkan perbalahan di kalangan manusia.

Kelima : Menerusi sifat bakhil.

Sesungguhnya syaitan sentiasa menimbulkan perasaan bimbang di hati manusia terhadap kefaqiran dan kemiskinan. Sifat takut papa menghalang manusia daripada bersedekah, menderma dan sebagainya. Ia juga melemahkan rasa simpati dan sifat kemanusiaan yang ada dalam diri seseorang. Di dalam Al Quran, Allah menceritakan kepada kita tipudaya syaitan ini seperti mana firman-Nya di dalam surah Al Baqarah ayat 268:

الشَّيْطَانُ يَعِدُكُمُ الْفَقْرَ وَيَأْمُرُكُمْ  
بِالْفَحْشَاءِ وَاللَّهُ يَعِدُكُمْ مَغْفِرَةً مِنْهُ  
وَفَضْلًا وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

*"Syaitan itu menjanjikan (menakut-nakutkan) kamu dengan kemiskinan atau kepapaan (jika kamu bersedekah atau menderma), dan ia menyuruh kamu melakukan perbuatan yang keji (bersifat kedekut);*



*sedangkan Allah menjanjikan kamu (dengan) keampunan daripada-Nya serta kelebihan kurniaan-Nya. Allah Maha Luas (limpah rahmat-Nya), lagi Maha Mengetahui".*

Keenam : Sifat Takabbur

Sifat membesarkan diri adalah sifat terpuji bagi Allah kerana sememangnya Allah lah yang maha layak untuk membesarkan diri. Namun apabila makhluk mengambil sifat ini ia terus sahaja menjadi sifat tercela. Ini juga satu lagi sifat buruk syaitan yang menyebabkannya terkeluar dari rahmat Allah dan dilaknat selama-lamanya. Justeru mana-mana manusia yang membesarkan diri, maka syaitan sangat gembira dan akan menyusup masuk menerusi lorong takabbur ini untuk merosakkan amal ibadat anak Adam.

Sebuah hadis qudsi iaitu daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda;

قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ : الْكِبْرِيَاءُ رِدَائِي  
وَالْعِظْمَةُ إِزَارِي، فَمَنْ نَازَعَنِي وَاحِدًا  
مِنْهُمَا قَذَفْتُهُ فِي النَّارِ.



*"Membesarkan diri itu ialah selendang-Ku dan kemuliaan itu ialah pakaian-Ku. Sesiapa yang cuba merebut salah satu dari kedua-duanya pasti Aku akan menyeksanya di dalam api neraka".*

*(Riwayat Abu Daud)*

Ketujuh : Buruk Sangka Terhadap Kaum Muslimin

Buruk sangka ialah sifat buruk yang menyebabkan seseorang itu sentiasa memandang buruk kepada orang Islam yang lain, biarpun tiada petunjuk dan bukti terhadap keburukan yang didakwanya. Ia juga menyebabkan dia sentiasa berusaha dan mencari-cari kesalahan orang lain.

Nabi s.a.w sering kali berpesan kepada para sahabatnya supaya merahsiakan keburukan seseorang Muslim jika keburukan itu tidak memudharatkan masyarakat awam.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 12;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ  
الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا  
تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَتُحِبُّ



أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا  
فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَحِيمٌ



*“Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan, kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah berdosa. Janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang. Janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang”.*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Setelah mengetahui jalan dan lorong yang memudahkan syaitan menyelip ke dalam diri manusia, marilah kita mengawal diri masing-masing dari terpedaya dengan tipudaya syaitan.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
\* أَلَمْ أَعْهَدْ إِلَيْكُمْ يَبْنَى ءَادَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا  
الشَّيْطَانَ إِنَّهُ <sup>ص</sup> لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٦٠﴾ وَأَنْ أَعْبُدُونِي <sup>ج</sup>  
هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ ﴿٦١﴾ وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنْكُمْ  
جِبَلًا كَثِيرًا أَفَلَمْ تَكُونُوا تَعْقِلُونَ ﴿٦٢﴾

*"Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam, supaya kamu jangan menyembah syaitan? Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata terhadap kamu! Dan (Aku perintahkan): Hendaklah kamu menyembah-Ku; Inilah jalan yang lurus. Sesungguhnya syaitan itu telah menyesatkan golongan yang ramai di kalangan kamu; (setelah kamu mengetahui akibat mereka) maka apakah kamu tidak memikirkannya?"*

*(Yaasin : 60-62)*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ



الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ،  
وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ  
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ  
وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ  
وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنْ اَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَاَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ اَجْمَعِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبٌ  
الدَّعْوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا  
نَسْأَلُكَ اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ  
الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ  
صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا  
نَسْأَلُكَ الْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ  
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ



السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج يَا  
ذَالْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا  
مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka,



lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.